



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**INSTITUSI KEKELUARGAAN  
PEMANGKIN KOMUNITI BEBAS  
DADAH**

**Siri: 12/2021**

**05 Syaaban 1442 H**

*Bersamaan*

**19 MAC 2021**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ ءَايَتْهُ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian...**

Pada hari yang mulia serta penuh dengan keberkatan ini, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjunjung segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketaqwaan kepada-Nya, kita akan memperoleh kebahagian hidup di dunia dan akhirat. Khutbah pada hari ini bertajuk:

### **Institusi Kekeluargaan Pemangkin Komuniti Bebas Dadah**

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian...**

Saban hari kita sering diperdengarkan dengan permasalahan sosial dan penyalahgunaan dadah yang semakin lama semakin membimbangkan. Menurut

statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sehingga tahun 2020, terdapat lebih 140 ribu penagih dadah direkodkan dan daripada jumlah tersebut hampir 80 peratus terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam.

Namun, masih belum terlambat untuk kita bertindak bagi mengatasi penyalahgunaan dadah ini. Oleh itu, marilah sama-sama kita berusaha untuk melakukan perkara berikut:

**Pertama:** Memperkuatkan pegangan dan kepatuhan kepada perintah Allah dalam kehidupan keluarga, seperti memantapkan kefahaman tentang rukun iman, menjaga solat, mempelajari al-Quran dan sebagainya.

**Kedua:** Menjalankan hubungan di antara ahli masyarakat. Sikap ambil kisah dan peduli terhadap masyarakat yang terlibat dengan permasalahan sosial perlu diperkuatkan. Selaras dengan saranan baginda Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلِسَانِهِ

فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ.

**Maksudnya:** Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, sekiranya dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, sekiranya tidak mampu hendaklah dia mengubah dengan hati dan mengubah dengan hati adalah selemah-lemah iman.

(riwayat Muslim)

**Ketiga:** Ibu bapa hendaklah mengambil berat, ambil tahu dan sentiasa memerhati setiap gerakgeri, perubahan dan perkembangan anak-anak.Rasulullah SAW bersabda:

مُرْوَأ أُولَادُكُم بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا

وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

**Maksudnya:** Perintahlah anak-anak kamu supaya mendirikan sembahyang ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan sembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan asingkanlah tempat tidur di antara mereka (lelaki dan perempuan).

(*Hadis riwayat Abu Daud*).

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian**

Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:

**Pertama:** Akidah yang mantap serta kehidupan beragama adalah tunjang keharmonian sesebuah keluarga.

**Kedua:** Institusi kekeluargaan yang harmoni akan menghindarkan masyarakat daripada terjebak ke dalam gejala yang tidak sihat seperti penagihan dadah.

**Ketiga:** Setiap individu perlu berperanan di dalam menyelesaikan permasalahan ini demi melahirkan masyarakat yang harmoni.

**Keempat:** Sama-sama berdoa dan bermunajat agar masyarakat sentiasa terpelihara dan dilindungi oleh Allah daripada segala keburukan.

Ingatlah! Mencegah lebih baik daripada mengubati. Katakan tidak kepada dadah.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعِيُّنِ

وَاجْعَلْنَا لِمُنْقِيْرَ إِمَامًا

٧٤

Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, danjadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa.

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ،  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهِ الْعَظِيْمِ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاهَ التَّائِبِيْنَ

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينُ الْحَقِّ يُظْهِرُهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ  
الْمُشْرِكُونَ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظُكُمُ اللَّهُ،

### **Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah sekalian.**

Di antara cara untuk menambahkan kesempurnaan solat adalah dengan menjaga dan meluruskan saf dalam solat berjemaah.

Rasulullah SAW bersabda:

سَوْفَأَصْفُوفُكُمْ، فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ قَمَّ الصَّلَاةِ

**Maksudnya:** "Luruskanlah saf-saf kamu, kerana sesungguhnya meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan solat".

Oleh itu, para hadirin yang dikasihi sekalian, pastikan saf yang didirikan ketika berjumaat nanti berada dalam satu garisan lurus dengan menyamakan kedudukan tumit jemaah kiri dan kanan.

Biarpun kita berada di atas sejadaht masing-masing dan terpaksa menjaga jarak antara satu sama lain, kita masih tetap perlu memastikan saf kekal lurus. Mudah-mudahan ia menjadi sebahagian kesempurnaan solat kita.

## Sidang Jumaat Yang Berbahagia

Pada Hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

٥٦ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ، يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا الَّذِينَ أَمْنُوا صَلَوَاتٍ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ وَأَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَواتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةٍ، سُلْطَانَةِ تَرْغِيْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَشْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.

